

Malaysia iktiraf peranan MEF

KUALA LUMPUR 12 Nov. – Malaysia hari ini mengiktiraf peranan besar yang dimainkan oleh Forum Malaysia-Eropah (MEF) bagi mempromosikan negara ini melalui kerjasama melibatkan komuniti profesional kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerjasama yang dimainkan oleh MEF amat penting untuk menguatkan lagi hubungan dalam pelbagai aspek yang sedia terjalin antara Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU).

“MEF beruntung kerana memiliki penasihat dan penaung yang berkaliber dan mempunyai reputasi tinggi iaitu Tan Sri Rafidah Aziz kerana beliau berpengalaman luas dalam perdagangan antarabangsa serta mampu membawa forum itu ke tempat sewajarnya.

“Apabila Rafidah meminta kerajaan memberikan sokongan kepada MEF, sukar untuk tidak ditunaikan, jadi saya menerima permintaannya bagi memberi pengiktirafan dan sokongan terhadap MEF,” katanya ketika melancarkan MEF di sini hari ini.